



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks : 603-8882 4224
Telex : FEDTRY MA 30242
Web : www.mof.gov.my

MOF.DS(S)600-40/3/3(31)
24 Disember 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan pengumuman Belanjawan 2022, Kerajaan bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan kepada individu *Contract For Service* (CFS) yang disetarakan pada gred 56 dan ke bawah sebanyak RM700.00. Sehubungan itu, semua individu CFS yang masih berkhidmat pada 25 Januari 2022 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022.

3. Selain itu, pesara Perkhidmatan Awam dan veteran yang sedang berkhidmat secara CFS dan masih berkhidmat pada 25 Januari 2022 layak menerima Bantuan Khas Kewangan pada kadar RM700.00. Pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam/ Jabatan Hal Ehwal Veteran dan bakinya sebanyak RM350.00 akan dibayar oleh Jabatan baharu individu CFS bertugas.

4. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada:

- i. Individu CFS yang ditamatkan kontrak perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2022; dan

ii. Individu CFS yang tamat kontrak perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2022.

5. Individu CFS yang tidak mendapatkan dos imunisasi yang lengkap selain atas sebab kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini. Individu CFS tersebut hanya layak dibayar sekiranya telah melengkapkan dos imunisasi COVID-19 selewat-lewatnya pada 31 Mac 2022.

6. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini akan dibayar pada **25 Januari 2022** dan menjadi tanggungan jabatan di mana individu CFS berkhidmat pada tarikh pembayaran.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ASRI BIN HAMIDON)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia